

Kerajaan Lindungi Pelabur Tempatan Apabila TPP Direalisasikan
Bernama
Jun 19, 2011

IPOH: Kerajaan akan memastikan pelabur tempatan dilindungi apabila Perkongsian Strategik Ekonomi Trans-Pasifik (TPP), yang bertujuan mewujudkan perdagangan bebas antara negara anggota TPP, dilaksanakan kelak, kata Menteri Kewangan Kedua Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah.

Beliau berkata perkara itu terkandung dalam kertas kerja mengenai Perolehan Kerajaan dan Polisi Pertandingan yang akan dibentangkan oleh Malaysia pada mesyuarat TPP di Vietnam minggu depan.

"Kita akan memastikan apa yang dibentang itu mampu melindungi pelabur dari negara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Peningkatan Akademik Gugusan Manjoi di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jelapang Jaya di sini Ahad.

TPP ditubuhkan di bawah inisiatif anggota Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) bertujuan menghapuskan cukai antara negara anggota sebanyak 90 peratus mulai 1 Jan 2006 kepada sifar menjelang 2015.

Perjanjian itu merangkumi barang dagangan, peraturan negara asal, remedi dagangan, servis jual beli, harta benda intelektual serta pemerolehan kerajaan dan polisi pertandingan.

Antara negara yang menganggotai TPP ialah Brunei, Chile, New Zealand, Singapura, Australia, Malaysia, Peru, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Dalam perkembangan lain, Ahmad Husni berkata kerajaan sedang melaksanakan pelan jangka panjang Model Baru Ekonomi (MBE) dengan memberi tumpuan kepada perkembangan minda golongan pelajar di peringkat universiti dan sekolah.

Beliau berkata dalam memastikan rancangan ekonomi pendapatan tinggi berjalan lancar, kerajaan mensasarkan lebih ramai rakyat menyambung pelajaran sehingga ke peringkat Doktor Falsafah (Phd).

"Pada masa ini kita mempunyai beratus ribu mahasiswa dan mahasiswi yang sedang menuntut di peringkat ijazah dalam pelbagai bidang...dan sudah sampai masanya mereka mengorak langkah ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Katanya bagi merealisasikan impian itu, semua pihak perlu bekerjasama dan memainkan peranan bagi membentuk anak-anak untuk belajar ke peringkat yang lebih tinggi.-

BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 1995-2011 Star Publications (Malaysia) Bhd (Co No 10894-D).

Source:

http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/6/19/mstar_berita/20110619155505&sec=mstar_berita